

LAMPIRAN I



SYARAT-SYARAT DENDA KELEWATAN

1. Hak Kerajaan apabila barang-barang lewat diserahkan.

Bagi barang-barang yang lewat diserahkan oleh Kontraktor, Kerajaan boleh sama ada:

- a. Menolak barang-barang itu, menamatkan Kontrak ini dan Merampas Bon Pelaksanaan

ATAU

- b. Membuat perolehan barang-barang yang dikenakan itu daripada sumber-sumber lain dan menolak barang-barang yang dibekal daripada Kontraktor. Bagi hal yang demikian, jika kos memperolehi barang-barang itu daripada sumber lain melebihi harga yang telah dipersetujui, Kontraktor dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan;

ATAU

- c. Setuju terima barang-barang itu dan dikenakan denda lewat bekal seperti berikut:

$$\text{Denda : } \frac{V(T+D)}{T} \times 5\%$$

Di mana:

- V : Nilai bekalan yang lewat dibekal.
T : Tempoh penghantaran yang ditetapkan.
D : Bilangan hari lewat.

- d. Lain-lain kaedah yang akan ditentukan oleh pihak Kerajaan.

2. Hak Kerajaan apabila barang-barang tidak disertakan sepenuhnya.

Barang-barang yang tidak diserahkan sepenuhnya oleh Kontraktor selepas persetujuan dibuat, Kerajaan boleh mengenakan tindakan seperti di perenggan 1.1 (b) tanpa menyentuh hak-hak lain yang ada pada Kerajaan.